

05 AUG 2003

Sukan-Selat Inggeris (Penghargaan)

AGONG DAN DR M HANTAR SURAT PENGHARGAAN KEPADA MYDIN

Oleh: Asan Ahmad

DOVER, 5 Ogos (Bernama) -- Berikut ialah kandungan surat penghargaan yang dihantar oleh Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada perenang marathon negara Abdul Malik Mydin yang mencatatkan sejarah dengan berenang menyeberangi Selat Inggeris.

"Beta dan Raja Permaisuri Agong, Tuanku Fauziah binti Al-Marhum Tengku Abdul Rashid ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada saudara atas kejayaan saudara menyeberangi Selat Inggeris dari Dover ke Calais, Perancis."

Beta dan SPB Raja Permaisuri Agong berdoa mudah-mudahan saudara sentiasa di berkati Allah S.W.T hendaknya".

Sekian.

Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail. 5 Ogos 2003

"Saya dan isteri mengucapkan syabas dan tahniah atas kejayaan Malik berenang merentasi Selat Inggeris.

Sesungguhnya cabaran yang dihadapi bukanlah sesuatu yang mudah dengan keadaan cuaca yang sejuk, ombak yang setinggi 2 meter dan arus yang kuat. Hanya mereka yang mempunyai semangat yang kental dan daya tahan yang kuat sahaja yang akan beroleh kejayaan.

"Saya merasa bangga atas kejayaan Malik. Seluruh rakyat Malaysia juga merasa bangga atas kejayaan Malik".

Syabas sekali lagi.

Dr Mahathir bin Mohamad

-- BERNAMA

AHA RW PR